

19/02/2003

Manfaatkan NAM sekat AS serang Iraq

Hishamsol Abu Bakar

MASALAH yang melanda umat Islam sekarang bukan salah orang lain, tetapi umat Islam sendiri. Cuba kita kembali dan merenung sejarah kegemilangan Islam, pasti kejayaan umat Islam pada masa itu kerana bersatu.

Oleh itu, jika dulu negara Arab bersatu dalam Kerajaan Turki Utmaniyah sehingga menjadi kuasa besar yang digeruni lawan. Maka pada masa ini, mereka perlu bersatu dalam panji Islam dan menyusun perpaduan umat.

Andainya semua pemimpin negara Arab dan rakyat bersatu padu baik dari segi politik, ekonomi dan ketenteraan, nescaya Amerika Syarikat dan Yahudi

serta sekutunya akan terasa gementar. Bayangkan seluruh angkatan bersenjata baik pasukan udara, darat dan laut bergabung tenaga, nescaya masalah Palestin serta keangkuhan Amerika Syarikat dan sekutunya akan kecut.

Sebenarnya Amerika dan sekutunya tidak sekuat mana, yang menjadikan mereka kuat adalah perpecahan di kalangan negara Arab dan umat Islam.

Pada pandangan saya, semua negara Arab mesti kembali kepada kitab Allah

dan sunnah rasul yang melarang umat Islam berpecah belah.

Bersatu padu, atau berpegang teguh kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai.

Kalau seluruh benua Arab kembali kepada sifat kasih sayang, tolong menolong nescaya Yahudi serta Amerika tidak berani 'mengusik' umat Islam.

Andainya mereka bersatu, jadilah kuasa veto di kalangan umat Islam.

Pada pandangan saya, negara Arab sekarang berada atau kembali ke zaman jahiliah.

Sebenarnya kekalahan serta penindasan bangsa lain ke atas umat Islam, kerana umat Islam tidak terbuka hijab kejahilan.

Di sini, kita rakyat Malaysia patut berbangga kerana Perdana Menteri, banyak membuka hijab kejahilan dan kelemahan umat Islam di seluruh dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyedarkan umat Islam seluruh dunia betapa pentingkan kita bersatu padu.

Dengan keberanian dan kelantangan suara Perdana Menteri, membuka mata dan minda umat Islam bangkit untuk mempertahankan hak mereka.

Malaysia dari dulu menentang keganasan. Apa yang kita mahukan ialah keamanan dunia.

Kuala Lumpur menentang sebarang bentuk keganasan dan oleh itu, kita tidak menyokong atau sekali-kali memberi sokongan terhadap rancangan Amerika mahu menyerang Iraq.

Rakyat Malaysia seperti ramai lagi penduduk dunia mahukan Amerika menghentikan niat jahatnya terhadap Iraq.

Kita juga berharap Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dari esok hingga 25 Februari ini akan menjadi medan paling kukuh untuk menyuarakan bantahan secara besar-besaran terhadap rancangan Washington dan sekutunya untuk menyerang Iraq.

NAM sebagai badan kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu (PBB) mempunyai suara majoriti yang perlu didengar oleh kuasa besar.

Amerika dan sekutunya, perlu mendengar suara NAM yang mewakili suara majoriti penduduk dunia.

HISHAMSOL ABU BAKAR,
Pasir Gudang, Johor.